

SINAR HWINN - 18/5/2016

# T-Team perlu fokus bertemu Penyu

Ketepikan status 'adik beradik' dalam buru kemenangan saingan Liga Super

■ ZUBIR SULAIMAN

**KUALA TERENGGANU** - Pemain pasukan berstatus ke-lab diingatkan mengetepikan status 'adik beradik' sebaliknya terfokus buru kemenangan ketika turun bertemu kem Terengganu di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, malam nanti.

Pengendalinya, Rahmad Darmawan mengakui perlakuan itu nanti bukan sesuatu yang mudah buat anak buahnya tambahan pula pasukan 'abang' Terengganu dibarisi ramai pemain berpengalaman dalam saingan Liga Super, selain memiliki moral yang cukup tinggi setelah mereka menamatkan kemarau kemenangan ketika bertemu Sarawak 4 Mei lalu.

Justeru, ketua jurulatih kelahiran Indonesia itu menuntut

skwad kendaliannya dapat mempamerkan aksi yang lebih cemerlang dengan bangkit melakarakan kemenangan setelah mereka kehilangan mata di Stadium Shah Alam bertemu Selangor sebelum ini.

"Buat masa ini saya tidak memikirkan soal kemenangan, sebaliknya fokus untuk bermain dan merancang strategi agar T-Team tidak terus kehilangan mata.

"Saya yakin sekiranya pemain dapat melaksanakan tugas mereka sebagaimana dirancang, tidak mustahil T-Team mampu mengutip sedikit-kurangnya satu mata kerana saya percaya perlawanan itu nanti pastinya lebih sengit dengan semangat membara skuad Terengganu buru kemenangan kedua mereka," katanya di sini, semalam.

Mengulas lanjut persiapan



**T-Team bakal gunakan khidmat jentera tengah lincah, Nor Hakim Hassan yang kini bersedia kuatkan skuad The Titans ketika bertemu Terengganu, malam nanti.**

pasukannya, Rahmad berkata dia amat berpuas hati dengan prestasi semasa yang ditunjukkan pemainnya selepas mereka tewas ke atas Selangor pada aksi terdahulu.

Katanya, sepanjang menjalani latihan harian seperti biasa, pasukannya juga telah

mengadakan perlawanan persahabatan bersama pasukan Universiti Sultan Zaimal Abidin (UniSZA) yang kini bebas dalam Liga IPT dengan meraih kemenangan 6-0.

"Malah pada perlawanan itu juga, kita turut menguji kecerdasan tiga pemain uta-

ma, Mohd Hassan Bastri (pertahanan), Nor Hakim Hassan dan Izzaq Faris Ramlan (penyerang) yang kini bebas dari pada dibelenggu kecederaan.

"Alhamdulillah kita lihat ketiga-tiga pemain ini sudah pulih sepenuhnya dan bersedia untuk diturunkan pada bila-

bila masa. Keadaan ini sedikit sebanyak menggembirakan pasukan kerana ia memberikan lebih banyak pilihan buat kita dalam menurunkan skuad terbaik bertemu Terengganu nanti," katanya.

Sementara itu, bekas ketua jurulatih remaja kebangsaan Indonesia itu juga tidak menolak kemungkinan akan menurunkan Nor Hakim Hassan pada pertemuan tersebut setelah melihat perkembangan memberangsang ditampilkan jentera tengah pasukan tersebut dalam aksi persahabatan Khamis lalu.

Katanya, dia mengharapkan pemain tengah lincah itu berikan aksi terbaiknya dalam mengucar-ngacirkan bencong pertahanan Terengganu bagi memberi ruang buat jentera serangan pasukan meledakkan gol pada pertemuan itu nanti.